



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



Balai Seni Negara
National Art Gallery

UKK/600-01/05 (86)

SIARAN MEDIA

PAMERAN BATU JED MERAYAKAN 50 TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CHINA

22 NOVEMBER 2024 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Balai Seni Negara mengadakan Pameran Batu Jed: Jejak Beribu Tahun Menuju Kemakmuran Yang Abadi bermula 23 November hingga 23 Disember 2024 di Balai Seni Negara. Pameran ini dibawakan oleh Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia sempena meraikan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.

Pameran telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC. Turut hadir YBrs. Encik Shaik Rizal Sulaiman, Pengurus Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, YBhg. Dato' Wong Shung Yen, Kurator dan Penasihat Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia, YBrs. Dr. Low Cheong Sin, selaku Kurator, pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan dan agensi serta para penggiat seni.

Pameran ini menampilkan lebih daripada 100 ukiran jed, setiap satu merupakan khazanah yang bernilai, dipilih melalui proses tapisan yang teliti daripada rumah lelong seperti Christie's, Sotheby's, dan Bonhams. Selain itu, pameran ini juga turut mempamerkan koleksi terkenal seperti Robert Hatfield Ellsworth dan Roger Keverne.

Pameran Batu Jed: Jejak Beribu Tahun Menuju Kemakmuran Yang Abadi memberi peluang kepada para pengunjung untuk menelusuri sejarah seni jed purba. Bermula dari zaman prasejarah hingga dinasti Ming dan Qing, setiap artifak jed bukan sahaja mempamerkan kehalusan seni, tetapi juga nilai budaya dan estetika yang berterusan selama beribu tahun.

Di samping itu, inisiatif "*Belt and Road*" yang kini menjadi platform utama pertukaran budaya antarabangsa juga dikenali sebagai "Jalan Jed dan Sutera," yang menghubungkan budaya jed dengan semangat perpaduan dan kerjasama global, menyatukan negara-negara melalui warisan budaya.

Selama ribuan tahun, jed telah dipenuhi dengan pelbagai makna budaya yang mendalam. Dalam tradisi China, jed diangkat sebagai simbol kebijikan, sering digunakan dalam upacara keagamaan, ritual diraja, dan juga sebagai alat dalam pertukaran diplomatik. Artifak-artifak jed yang bersejarah kini dipamerkan di muzium-muzium terkemuka di seluruh dunia, memberi peluang kepada generasi kini untuk menghayati serta menghargai ketabahan, kepintaran, dan kepentingan budaya yang terkandung dalam warisan jed purba.

Sebagai negara ASEAN pertama yang menjalin hubungan diplomatik dengan China, Malaysia telah memainkan peranan penting sebagai jambatan budaya serta memperkuuh hubungan budaya dan sejarah antara kedua-dua negara. Pameran ini merayakan keakraban hubungan Malaysia-China dengan menggabungkan warisan budaya, memupuk penghormatan mendalam terhadap seni tradisional, serta menggambarkan keindahan dan keharmonian dalam pertukaran budaya yang telah terjalin.

Pameran ini menawarkan pengalaman seni yang unik, menampilkan artifak yang jarang ditemui dan memukau. Dari sudut teknik ukiran hingga simbolisme budaya, setiap artifak jed adalah bukti kepintaran dan kehalusan seni yang luar biasa. Pengunjung juga dapat menyaksikan kesinambungan gaya seni jed yang dipengaruhi oleh pemikiran budaya dari pelbagai era sejarah.

Balai Seni Negara mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia kerana telah membina sebuah galeri seni baharu di Balai Seni Negara, menjadikannya galeri yang ke-8 serta memberi lambang kepada sejarah 50 tahun hubungan diplomatik ini.

Orang ramai dijemput untuk melawat **Pameran Batu Jed: Jejak Beribu Tahun Menuju Kemakmuran Yang Abadi** yang berlangsung sehingga 23 Disember 2024 di Balai Seni Negara bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari. Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:
Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA
No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur
Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998
E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin
T: +60 11 1005 5207
E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi
T: +60 19 998 5884
E: syazwina@artqallery.gov.my